



Malaysia 50 Gemilang

KELAHIRAN 31 OGOS 1957
1,082 orang

18 individu istimewa

- Mat Merdeka Embun
- Merdeka Sathasivam Subbrayan
- Wang Merdeka
- Merdeka M. Nadason
- Modrikah Hassan
- Abdul Rahman Merdeka Simpol
- Mohamed Merdeka Abu Hassan
- Abdul Latif Merdeka A. Rahman
- Rosnimerdeka Karim.
- Mohd. Merdeka Che Soh
- Morthika Abd. Hamid
- Merdeka Hashim
- Sarah Merdeka Ibrahim
- Kamardeka Abd. Muttalib
- Merdeka Ahmad
- Merdeka Osman
- Lee Li Meng @ Merdeka Lee
- Mohd. Merdeka Ismail



Hari istimewa 18 anak merdeka

UM - 11/3/2007

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
Foto NAZUDEEN MAHMUD

31 Ogos 2007 bakal menjengah dalam tempoh lebih kurang lima bulan sahaja lagi. Namun, berapa ramai yang mampu memikul beban dan makna kemerdekaan di bahu mereka?

Seperti yang diketahui, proses menuntut kemerdekaan memerlukan kekuatan dan semangat juang yang tinggi kerana dalam tempoh itu pelbagai onak dan ranjau harus dilalui.

Dalam melalui proses itu juga, ramai pejuang negara terkorban dan menumpahkan darah mereka demi mempertahankan negara.

Hingga hari ini, kita pasti, darah merah basah yang mengalir di atas bumi bertuah ini tidak pernah kering kerana ia masih lagi menuntut pengorbanan generasi muda sekarang untuk mengekalkan keamanan negara selama hampir 49 tahun ini.

Satu sisi yang perlu dihayati juga ialah usia 50 tahun kemerdekaan negara bukan terletak pada tarikh semata-mata. Ia perlu kepada penghayatan mendalam dari semua lapisan masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Merdeka bukan pada nama atau tarikh di mana Tunku Abdul Rahman melaungkan

Merdeka! Merdeka! ketika itu. Ia membawa konotasi yang lebih bermakna dan harus dihayati oleh semua peringkat masyarakat tanpa mengira umur, bangsa dan agama," begitu pendapat Mat Merdeka Embun, yang memiliki nama unik di antara 18 individu istimewa seluruh Malaysia.

Beliau dikenal pasti oleh Jabatan Penerangan Malaysia untuk program Perhimpunan Anak-anak Merdeka sempena sambutan ke-50 tahun kemerdekaan negara.

Usaha Jabatan Penerangan Malaysia melaksanakan program itu adalah untuk menyemarakkan lagi semangat patriotisme di kalangan rakyat Malaysia.

Utusan Malaysia pada 11 Februari lalu telah menyiarkan kisah Wang Merdeka, seorang lelaki berketurunan Cina yang dilahirkan pada pukul 6 pagi di Hospital Batu Pahat, Johor.

Anak kepada mendiang Wang Swee Chee dan Lim Chiu Moi itu kini memiliki lima restoran makanan Cina di sekitar Johor yang diusahakan bersama adik-beradiknya.

Memetik kata-kata Wang Merdeka, beliau bangga dilahirkan sebagai anak Malaysia dan namanya pula membawa erti kebebasan.

"Saya gembira kerana Malaysia aman dan terus maju di bawah kepimpinan Perdana Menteri sekarang, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Namun bagi Mat Merdeka pula, keunikan namanya secara automatik memberi beliau satu amanah dan tanggungjawab yang cukup berat.

Kerjaya

Sementelah memilih kerjaya dalam bidang kepimpinan, beliau yang kini bertugas di Cawangan Khas, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman sebagai Sarjan Mejar menyifatkan ia satu 'tugas awal' yang harus dilaksanakan dalam menjaga keamanan negara.

Beliau yang memulakan tugas pada 4 November 1975 selepas tamat tingkatan lima di Sekolah Menengah Sri Perak, Teluk Intan pada 1974 mempunyai pengalaman berkhidmat di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuala Nerang, Kedah selama tiga tahun sebelum ditukarkan ke IPD Gurun, Kedah pada 1979. Kemudian pada 1994, beliau ditugaskan ke Singapura selama empat tahun.

"Memiliki nama unik perlu didatangkan dalam pakej yang baik juga. Maksud saya, banyak perkara kena jaga terutama membatik soal kerja dan disiplin diri. Selain itu, saya juga harus menunjukkan contoh yang baik kepada anak-anak," ujar bapa kepada empat cahaya mata hasil perkongsian hidup dengan Asiah Osman, 49, penolong kanan di Sekolah Kebangsaan Bandar Tasik Selatan.

Anak sulungnya, Norazimah, 24, kini menuntut di Universiti Tenaga Nasional; Faizal, 23, chef di Hotel Prince, Noramizah, 20, menuntut di Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Segamat, Johor dan Noraffiah, 14, masih lagi berada di tingkatan dua.

Anak jati Kampung Gajah, Teluk Intan, Perak ini mengakui semangat patriotisme yang dimilikinya adalah pengaruh daripada ibu bapa dan orang tua-tua yang tinggal di Pasir Salak.

Seperti diketahui, sejarah telah mencatatkan bahawa Pasir Salak menjadi pemangkin kepada kebangkitan semangat nasionalisme orang Melayu apabila Residen British yang



WANG MERDEKA

pertama di Perak dibunuh oleh Datuk Maharaja Lela.

"Dari segi geografi, Kampung Gajah terletak berhampiran dengan Pasir Salak. Secara tidak langsung, saya turut menerima tempas semangat nasionalisme yang kuat di kalangan penduduknya," cerita anak keenam daripada 11 orang adik-beradik itu.

Maka tidak hairanlah dengan suasana yang melingkari kehidupannya sejak kecil, beliau sentiasa mengingatkan anak-anaknya



MAT MERDEKA EMBUN

agar tidak leka dan lupa pada asal-usul.

"Orang yang lupa pada akar umbi dan asal-usulnya, mudah dijajah. Dengan itu, kita dengan mudah akan diperkotak-katikan oleh orang lain. Mahukah kita kembali melihat anak-anak kita dijajah semula sedangkan proses menuntut kemerdekaan telah menyebabkan banyak nyawa terkorban.

"Itu yang saya cuba terapkan dalam diri anak-anak supaya mereka tidak alpa dengan keseronokan hingga lupa untuk menuntut



MAT Merdeka bersama isterinya Asiah Osman dan anak-anaknya, Faizal, Noramizah dan Noraffiah (kiri) di rumah mereka di Cheras, Kuala Lumpur.

Merdeka bukan pada nama atau tarikh di mana Tunku Abdul Rahman melaungkan Merdeka! Merdeka! ketika itu. Ia membawa konotasi yang lebih bermakna.

ilmu," kata beliau mengenai cara didikan yang diterapkan dalam diri anak-anaknya.

Beliau yang bakal berusia genap 50 tahun pada 31 Ogos depan juga berpendapat, rata-rata anak muda zaman sekarang masih belum mampu memahami semangat juang tokoh-tokoh kemerdekaan terdahulu yang sanggup mengorbankan diri mereka bagi memastikan negara bebas daripada cengkaman penjajah.

"Untuk pertahankan kemerdekaan memerlukan banyak pengorbanan. Lupakan seketika tentang keseronokan hidup dan fikirkan tentang masa depan. Tetapi perlu diingatkan, tiada masa depan yang cerah seandainya, pejuang terdahulu tidak memiliki semangat patriotisme yang tinggi untuk melawan penjajah," tegas beliau.